

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]
TARIKH : 29 FEBRUARI 2016
SOALAN :**

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah kes dan kematian yang telah direkodkan di seluruh negara sehingga Januari 2016 akibat daripada wabak penyakit Kencing Tikus atau Leptospirosis serta apakah langkah pencegahan yang telah diambil oleh Kerajaan sehingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit Leptospirosis berlaku di seluruh dunia dan adalah endemik (boleh dijumpai di merata tempat) di negara-negara beriklim tropika dan kejadian kes dilaporkan berlaku dari semasa ke semasa di negara-negara tersebut termasuk di Malaysia. Lebih daripada 90% kes leptospirosis yang dilaporkan di Malaysia adalah sporadik iaitu tidak terlibat dengan wabak. Di antara faktor penyumbang kepada sebaran penyakit leptospirosis adalah makan dan minum di premis makanan yang tidak bersih dan persekitaran yang kotor dan sebagainya.

Semenjak leptospirosis diwartakan sebagai penyakit yang perlu dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 pada Disember 2010 didapati kes leptospirosis meningkat iaitu 3,665 (tahun 2012), 4,457 (tahun 2013), 7,806 (tahun 2014) dan 8,291 (tahun 2015). Kes sehingga Januari 2016 pula ialah sebanyak 447 kes. Manakala bagi kematian yang berkaitan dengan leptospirosis, sebanyak 48 (tahun 2012), 71 (tahun 2013), 92 (tahun 2014), 78 (tahun 2015) dan tiada kematian pada Januari 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

Leptospirosis merupakan isu kebersihan persekitaran yang berhubung kait dengan kebersihan diri dan tabiat kebersihan persekitaran. Kebersihan persekitaran perlu diberi perhatian dalam mengawal pembiakan tikus dan penyakit bawaan haiwan tersebut seperti penyakit leptospirosis. Isu leptospirosis ini adalah merupakan isu yang melibatkan pelbagai agensi selain agensi kesihatan. Ini kerana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak bertanggungjawab terhadap pengurusan sampah, pengurusan saliran dan paip serta pelesenan premis makanan. Faktor-faktor ini adalah merupakan penyumbang utama kepada masalah leptospirosis. Sehubungan itu, komitmen daripada pelbagai jabatan, agensi, badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan semua lapisan masyarakat adalah diperlukan terutama dalam memastikan kebersihan persekitaran menjadi keutamaan. Selagi sisa makanan tidak diurus sempurna, selagi itu ianya mengundang pembiakan tikus dan dengan itu risiko leptospirosis akan meningkat.

Bagi menangani kes-kes leptospirosis, **KKM** dengan kerjasama pelbagai agensi telah mengambil tindakan dan langkah-langkah seperti berikut;

- i) Bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam usaha meningkatkan kesedaran tentang kebersihan persekitaran termasuk pembuangan sisa makanan dan sampah secara sempurna;
- ii) Kerjasama KKM dengan agensi lain serta NGO seperti Jabatan Perhutanan dan Pertubuhan Pencinta Air Terjun Malaysia (PPATM) bagi memastikan persekitaran termasuk pusat rekreasi dan kawasan air terjun agar bersih dan bebas daripada tikus dan haiwan perosak;
- iii) Mulai Julai 2013, KKM telah meningkatkan penguatkuasaan ke atas kebersihan premis makanan secara bersepadu dengan PBT, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan agensi-agensi berkaitan;
- iv) Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara serta menyarankan langkah-langkah penambahbaikan bagi mengurangkan risiko kejadian penyakit Leptospirosis di kalangan Pelatih Pusat Latihan Khidmat Negara;
- v) Perkongsian maklumat dan informasi dengan pihak media massa (media elektronik dan suratkhobar) sebagai hebahan /sebaran kepada orang awam berkaitan penyakit leptospirosis seperti gejala

penyakit, cara berlakunya jangkitan dan faktor risiko mendapat jangkitan; dan

- vi) Perkongsian data serta maklumat berkaitan leptospirosis dengan pihak PBT, agensi berkaitan serta institusi untuk merancang serta mengenalpasti kaedah berkesan bagi menangani kes-kes leptospirosis dan punca-punca yang berkaitan.